

**Nilai Ihsan dan Istiqamah dalam Komunikasi Dakwah
Persuasif: Analisis Prinsip Timbal Balik dan Ketekalan
dalam Model Dakwah Badiuzzaman Said Nursi**

***The Values of Ihsan and Istiqamah in Persuasive Da`wah
Communication: Analyzing the Principles of
Reciprocation and Commitment and Consistency in
Badiuzzaman Said Nursi's Da`wah Model***

Muaz Mohd Noor (Corresponding Author)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
Universiti Teknologi MARA (UiTM).
78000. Alor Gajah. Melaka. Malaysia.
muaz3108@uitm.edu.my

S. Salahudin Suyurno

Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
Universiti Teknologi MARA (UiTM).
40450. Shah Alam. Selangor. Malaysia.
ssalahud@uitm.edu.my

Mohamad Shafiei Ayub

Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
Universiti Teknologi MARA (UiTM).
78000. Alor Gajah. Melaka. Malaysia.
shafieiyub@uitm.edu.my

Muhammad Taufik Md Sharipp

Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
Universiti Teknologi MARA (UiTM).
78000. Alor Gajah. Melaka. Malaysia.
taufiksharipp@uitm.edu.my

Rahman Saktiawan R. Kalake

Fakultas Agama Islam.
Universitas Darunnajah.
12250. Jakarta. Indonesia.
rahmansaktiawan@darunnajah.ac.id

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol54no1.3>

Abstrak

Kajian terdahulu mengenai dakwah Badiuzzaman Said Nursi banyak menumpukan kepada dimensi teologi dan falsafah dengan perhatian yang terhad terhadap mekanisme persuasif yang mendasari pendekatan beliau melalui kerangka komunikasi Barat. Artikel ini menganalisis dua prinsip komunikasi persuasif dalam dakwah beliau, iaitu prinsip timbal balik dan komitmen serta ketekalan dalam kerangka teori Cialdini. Menggunakan reka bentuk fenomenologi, data diperoleh melalui temu bual semi-berstruktur terhadap 13 informan *tullab al-Nur* dan pengkaji Said Nursi di Malaysia, serta analisis teks *Rasail al-Nur*. Analisis tematik menerusi *ATLAS.ti* menghasilkan 162 kod, 40 kategori dan 12 sub-tema. Dapatan menunjukkan prinsip timbal balik Said Nursi terzhahir melalui pendekatan penyampaian yang unik, personaliti berakhlak mulia dan strategi dakwah yang menyesuaikan pendekatan mengikut pelbagai konteks sosial. Prinsip komitmen dan ketekalan pula dimanifestasikan melalui kesinambungan dakwah dalam keadaan tertekan, penulisan yang berterusan dan visi pendidikan jangka panjang. Dapatan turut menunjukkan bahawa konsep ihsan, hikmah, istiqamah dan sabar membantu menjelaskan aspek komunikasi dakwah Said Nursi yang tidak diuraikan melalui kerangka Cialdini semata-mata, menunjukkan potensi penggabungan kedua-dua perspektif dalam memahami komunikasi dakwah secara lebih menyeluruh.

Kata kunci: komunikasi dakwah; Said Nursi; timbal balik; komitmen dan ketekalan; persuasif; istiqamah; Cialdini

Abstract

Existing studies on Badiuzzaman Said Nursi's da'wah have largely focused on theological and philosophical dimensions, with limited attention to the persuasive mechanisms underlying his approach through established Western communication frameworks. This article examines two persuasive communication principles in his da'wah, namely reciprocation and commitment and consistency, drawing on Cialdini's persuasive communication framework. A phenomenological qualitative design was employed, with data gathered through semi-structured interviews with 13 informants comprising *tullab al-Nur* members and Said Nursi researchers in Malaysia, alongside textual analysis of *Rasail al-Nur*. Thematic analysis via *ATLAS.ti* yielded 162 codes, 40

categories, and 12 sub-themes. Findings indicate that Said Nursi's reciprocation was reflected in distinctive pedagogical approaches, ethical personal conduct, and adaptive strategies across diverse social contexts. His commitment and consistency were demonstrated through sustained da'wah activities, continuous writing despite adversity, and long-term educational initiatives. The findings further suggest that Islamic concepts such as *ihsan*, *hikmah*, *istiqamah*, and *sabr* provide important explanatory dimensions for understanding these practices beyond the behavioral mechanisms described by Cialdini. The findings highlight the value of combining persuasive communication and Islamic epistemological perspectives in understanding da'wah communication.

Keywords: *da'wah* communication; Said Nursi; reciprocation; commitment and consistency; *istiqamah*; persuasive; Cialdini

Pendahuluan

Keberkesanan sesuatu pendekatan dakwah tidak hanya ditentukan oleh aspek teknikal semata-mata, sebaliknya berkait rapat dengan asas epistemologikal yang menghubungkan ilmu, akhlak dan tindakan. Al-Quran telah meletakkan asas metodologi dakwah yang jelas melalui firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud: "Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik." Ayat ini bukan sekadar arahan teknikal, bahkan membentuk kerangka epistemologi yang menempatkan hikmah, *mau'izah hasanah* dan *jadal bi al-ahsan* sebagai tiga tonggak utama komunikasi dakwah yang berkesan dalam Islam.

Namun demikian, fenomena kelemahan pendekatan komunikasi dalam kalangan pendakwah tempatan masih menjadi permasalahan yang berterusan. Burhanuddin et al. mendapati sesetengah pendakwah sekadar ingin melepaskan tanggungjawab dakwah tanpa memikirkan objektif dan kesan dakwah terhadap sasaran.¹ Saifulazry et al. pula mendedahkan bahawa segelintir pendakwah lebih mengejar populariti

¹ Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Abu dan Sayuti Abd. Ghani, "Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan," *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4.1 (2018), 23-33.

berbanding menguasai ilmu dakwah yang sebenar.² Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) muncul sebagai jawapan yang amat relevan kepada persoalan ini. Diiktiraf sebagai antara ulama komunikasi dakwah yang berpengaruh pada abad ke-20,³ dan karyanya *Rasail al-Nur* telah diterjemahkan ke lebih 30 bahasa dan dipelajari di lebih 70 buah negara.⁴ Muaz Mohd Noor et al. membuktikan bahawa komunikasi dakwah Said Nursi merangkumi dimensi kinesik, kronemik, paralinguistik dan artifaktual yang berkesan merentasi sempadan budaya dan zaman.⁵ Kajian-kajian terkini turut menunjukkan bahawa pendekatan komunikasi Said Nursi terus relevan dalam pelbagai konteks kontemporari. Strategi komunikasi dakwah beliau didapati masih signifikan dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia,⁶ dan keberkesanan dakwahnya turut disokong oleh elemen komunikasi bukan lisan yang kuat.⁷

Dalam kajian ini, keberkesanan dakwah Said Nursi difahami dengan lebih mendalam melalui integrasi dua kerangka analitik, iaitu teori komunikasi persuasif Cialdini yang menyediakan kerangka empirikal, dan konsep teras ilmu dakwah Islam seperti ihsan, istiqamah, hikmah dan *mau'izah hasanah* yang menyediakan kerangka epistemologikal. Pendekatan bersepadu ini menunjukkan bahawa kebenaran dakwah Islam selari dengan fitrah semula jadi manusia sebagaimana diperincikan oleh sains sosial Barat.

² Saifulazry Mokhtar et al., "Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad al-Ghazali Satu Analisis," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 7.47 (2022), 324-337.

³ Mohamad Zaidin Mat et al., "Building a Personality by Installing Noble Values: Implementing Nursi's Thoughts in a Malaysia Context," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8.11 (2018), 437-444.

⁴ Ahmad Hidayat Buang dan Qoys Abqori Jilan Ahmad, *Mengarusutamakan Moderasi di Tengah Pluralitas Bangsa Studi Pemikiran Said Nursi* (Jawa Timur: Akademia Pustaka, 2023).

⁵ Muaz Mohd Noor, S. Salahudin Suyurno dan Faridah Mohd Sairi, "Elemen Kinesik, Kronemik, Paralinguistik dan Artifaktual dalam Dakwah: Kajian Komunikasi Bukan Lisan Badiuzzaman Said Nursi," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 41.3 (2025), 234-250.

⁶ Muaz Mohd Noor et al., "Said Nursi's Da'wah Communication Strategy and Its Relevance in the Malaysian Context," *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9.2 (2025), 89-97.

⁷ Muaz Mohd Noor, S. Salahudin Suyurno dan Khairul Azhar Meerangani, "The Silent Language of Dakwah: Exploring Non-Verbal Elements in Badiuzzaman Said Nursi's Preaching," *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 8.10 (2024), 1323-1334.

Bertolak daripada kerangka analitik ini, artikel ini mengemukakan dua persoalan utama: (1) Bagaimana prinsip timbal balik (reciprocation) dimanifestasikan dalam komunikasi dakwah Said Nursi, dan apakah perkaitan konsepnya dengan nilai ihsan dan hikmah dalam Islam?; (2) Bagaimanakah prinsip komitmen dan ketekalan (commitment and consistency) dizahirkan dalam amalan dakwah Said Nursi, dan apakah perkaitan konsepnya dengan istiqamah dan sabar dalam tradisi dakwah Islam?

Komunikasi Dakwah dan Cabaran Semasa

Komunikasi dakwah didefinisikan sebagai suatu bentuk komunikasi khusus di mana komunikator menyampaikan sesuatu maklumat bersumberkan atau sesuai dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dengan tujuan mendorong masyarakat melakukan amal soleh.⁸ Zulkefli et al. menghuraikan bahawa apabila komunikasi disertai dengan etika dan nilai agama, maka ia terbentuk sebagai komunikasi dakwah yang bermakna dan berkesan.⁹ Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, dakwah memerlukan pendekatan komunikasi yang bukan sahaja sensitif dan inklusif, malah mestilah strategik dan terancang.¹⁰

Kajian-kajian terkini mendedahkan pelbagai kelemahan dalam amalan komunikasi dakwah. Wigianti mendapati bahawa kegagalan dalam berdakwah sering berpunca daripada kesilapan dalam memilih pendekatan komunikasi yang tepat.¹¹ Khairul Azhar pula menjelaskan bahawa penggunaan pendekatan yang tidak sesuai dengan tahap dan kedudukan golongan sasaran dakwah bakal menjejaskan keberhasilan matlamat dakwah.¹² Aini dan Don mendapati bahawa tanpa kefahaman mendalam tentang konteks sasaran dakwah, mesej Islam berisiko

⁸ Kamaruzzaman Abdullah, "Epistemologi Kajian Dakwah dan Ilmu Komunikasi," *Liwaul Dakwah: Jurnal Kajian Dakwah dan Masyarakat Islam* 12.1 (2022), 72-90.

⁹ Zulkefli Aini, S. Salahudin Suyurno dan Rosmawati Mohamad Rasit, *Komunikasi Dakwah*, 1st ed. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020).

¹⁰ Ibtisam Ibrahim dan Berhanundin Abdullah, "Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah kepada Masyarakat Awam," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.3 (2019), 496-506.

¹¹ Wigianti Ema, "Kegagalan dalam Berdakwah (Kajian Teoritis dalam Buku Penyebab Gagalnya Dakwah Karya Dr. Sayyid M. Nuh)," *An-Nida: Jurnal Komunikasi Islam* 11.1 (2019), 13-22.

¹² Khairul Azhar Meerangani, "Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim di Malaysia," *Jurnal Maw'izah* 2.1 (2019), 14-22.

disampaikan secara tidak sensitif dan tidak sesuai dengan situasi setempat.¹³ Nuriana dan Salwa pula mendapati bahawa dakwah digital era kini turut berhadapan dengan cabaran dalam memilih pendekatan komunikasi yang berkesan, inklusif dan sederhana.¹⁴ Dalam konteks yang lebih luas, kajian terkini turut menunjukkan bahawa keberkesanan komunikasi dakwah bergantung kepada keupayaan pendakwah menyesuaikan gaya komunikasi dengan realiti sosial semasa, termasuk dalam menangani isu polarisasi masyarakat.¹⁵ Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada model komunikasi dakwah yang fleksibel dan berasaskan prinsip persuasif. Situasi ini menunjukkan keperluan mendesak kepada satu model dakwah yang holistik dan terbukti berkesan.

Badiuzzaman Said Nursi: Ulama Dakwah Abad Ke-20

Said Nursi dianugerahkan gelaran ‘Badiuzzaman’ yang bermaksud ‘keunggulan zaman’ sebagai pengiktirafan terhadap kehebatan keilmuannya yang luar biasa. Pendekatan dakwahnya yang membezakan beliau dengan tokoh sezaman yang lain ialah penggunaan komunikasi persuasif yang menghindari konfrontasi, lebih memilih jalan yang fleksibel, lembut dan beransur-ansur dalam mempengaruhi masyarakat.¹⁶ Beliau turut mempunyai keupayaan hafazan dan penguasaan ilmu yang luar biasa sejak usia muda dalam pelbagai disiplin ilmu Islam.¹⁷

¹³ Zulkefli Aini dan Abdul Ghafar Don, “The Implementation of Communication Skills in Da’wah,” *Hamdard Islamicus XLV* 1 (2022), 81-102.

¹⁴ Zulfā Ilma Nuriana dan Nisrina Salwa, “Digital Da’wah in the Age of Algorithm: A Narrative Review of Communication, Moderation, and Inclusion,” *Sinergi International Journal of Islamic Studies* 2.4 (2024), 242-256.

¹⁵ Abdullah Furqan dan Sahrul, “Communication Styles and Organizational Da’wah Practices of the Jama’ah Tabligh in Mitigating Hate Speech,” *Islamic Communication Journal* 10.2 (2025), 373-396.

¹⁶ Thameem Ushama, “Badiuzzaman Said Nursi’s Methodology for Da’wah: An Overview of Certain Principles,” *Jurnal Usuluddin* 47.2 (2019), 1-24.

¹⁷ Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Dhiya’ul Hafidh Fatah Yasin dan Muthi’ul Haqq Fatah Yasin, “Kajian Analisis dari Risalah Nur oleh Imam Badiuzzaman Said Nursi untuk Pembentukan Minda yang Sejahtera,” *Jamalullail Journal* 2.1 (2023), 42-63.

Muhammed Ali mendapati bahawa pendekatan Said Nursi ialah menggabungkan hujah rasional dengan sentuhan emosi secara seimbang.¹⁸ Di Malaysia, kajian Norullisza et al. mengesahkan bahawa gerakan *tullab al-Nur*, sebuah badan bukan kerajaan yang mengkaji dan membawa uslub dakwah Said Nursi telah menerima pengiktirafan daripada pelbagai jabatan agama dan institusi akademik membuktikan keserasian pendekatan dakwah Said Nursi dengan uruf dan suasana Islam di Malaysia.¹⁹

Kerangka Islam: Ihsan, Hikmah, Istiqamah dan Sabar dalam Dakwah

Artikel ini meletakkan kerangka epistemologikal Islam sebagai lensa utama analisis. Pertama, ihsan. Konsep ini merujuk kepada kecemerlangan akhlak dan keindahan dalam melakukan setiap tindakan, dan ia merupakan asas kepada prinsip timbal balik dalam dakwah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah mewajibkan ihsan dalam setiap perkara.”²⁰ Kedua, hikmah dan *mau'izah hasanah* merupakan metodologi komunikasi dakwah yang menekankan kesesuaian pendekatan dengan latar belakang *mad'u*. Ibn Kathir menghuraikan hikmah sebagai “meletakkan setiap perkara pada tempatnya yang benar.”²¹

Ketiga, istiqamah dan sabar yang berkaitan dengan prinsip *commitment and consistency* merupakan dua nilai teras yang Allah SWT anjurkan kepada setiap pendakwah sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 46 yang bermaksud: “Dan bersabarlah kamu. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.” Al-Ghazali dalam *Ihya Ulum al-Din* menjelaskan bahawa istiqamah dalam dakwah bukan sekadar konsisten dalam tindakan, bahkan

¹⁸ Muhammed Ali El-Youssef, “Methods of Advocacy and Communication in the Rasail an-Nur,” *Journal of Rasail an-Nur Studies* 5.1 (2022), 1-10.

¹⁹ Norullisza Khairuddin, Shereeza Mohamed Saniff dan Azrin Ibrahim, “Usaha dan Strategi Dakwah Badi' al-zaman Sa'id al-Nursiy dalam Pembangunan Insan,” *Jurnal YADIM* 2.2 (2022), 10-23.

²⁰ Hadith Riwayat Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Sayd wa al-Dhaba'ih, Bab al-Amr bi al-Ihsan fi al-Dhabh wa al-Qatl wa Tahdit al-Shafrah, no. 1955. Hadis ini diriwayatkan daripada Syaddad bin Aws RA.

²¹ Isma'il bin 'Umar Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Beirut: Dar al-Tayyibah, 1999), 3:599.

mencerminkan ketulusan niat yang tidak berubah walaupun berdepan dengan cabaran dan penolakan.²²

Teori Komunikasi Persuasif Cialdini dan Relevansinya dalam Dakwah

Robert B. Cialdini ialah seorang ahli psikologi sosial Amerika yang dikenali melalui karyanya *Influence: The Psychology of Persuasion* yang mengemukakan enam prinsip universal komunikasi persuasif hasil kajian empirikal selama lebih tiga dekad. Keenam-enam prinsip tersebut ialah *reciprocation* (timbal balik), *commitment and consistency* (komitmen dan ketekalan), *social proof* (bukti sosial), *authority* (autoriti), *liking* (kesukaan) dan *scarcity* (kelangkaan).²³ Kajian ini memfokuskan kepada dua prinsip utama, iaitu *reciprocation* dan *commitment and consistency*, kerana kedua-duanya paling relevan dengan dimensi komunikasi interpersonal dan pengaruh jangka panjang yang menjadi teras model dakwah Said Nursi.

Samri menegaskan bahawa elemen komunikasi persuasif adalah penting bagi memastikan dakwah memberikan kesan yang mendalam kepada pendengar.²⁴ Kamaruddin pula menjelaskan bahawa kefahaman dan strategi dalam komunikasi persuasif perlu dititikberatkan supaya proses penyampaian dakwah menjadi lebih lancar dan berkesan.²⁵ Kajian ini melihat teori Cialdini bukan sebagai pengganti kepada kerangka Islam, sebaliknya ia berfungsi sebagai alat analitik empirikal yang dapat membantu menjelaskan secara saintifik mengapa pendekatan dakwah berasaskan ihsan dan istiqamah berjaya mempengaruhi manusia dari pelbagai latar belakang.²⁶

²² Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 4:378.

²³ Robert B. Cialdini, *Influence: The Psychology of Persuasion* (New York: HarperCollins, 2009), 7.

²⁴ Dzuriyah Samri, "Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias," *Jurnal Bahasa* 22.1 (2022), 49-76.

²⁵ Abubakar Kamaruddin, "Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33.3 (2017), 89-106.

²⁶ Dzuriyatun Mirawati, "Pemanfaatan Teori Komunikasi Persuasif pada Penelitian E-Commerce di Era Digital," *Medium: Jurnal Ilmiah Fakultas Ilmu Komunikasi Universitas Islam Riau* 9.1 (2021), 65; Muhammad Krisno Fauzy et al., *Tugas Komunikasi Persuasif, Konsep-Konsep Psychology of Persuasion* (Yogyakarta: Universitas Mercu Buana, 2018), 44.

Metodologi

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi.²⁷ Data diperoleh melalui dua sumber utama iaitu metode dokumentasi yang melibatkan analisis teks *Rasail al-Nur* dan sumber sekunder berkaitan; temu bual semi-struktur secara mendalam terhadap 13 informan yang dipilih secara *purposive sampling* berdasarkan kepakaran dan pengalaman langsung dengan gerakan dakwah Said Nursi di Malaysia. Jadual 1 menyenaraikan profil ringkas kesemua 13 informan yang terdiri daripada pengamal dakwah aktif, pengkaji Said Nursi, ahli akademik dan pemimpin pertubuhan yang mempunyai pengalaman langsung dengan *Rasail al-Nur*. Lima orang dalam kalangan informan mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan gerakan *tullab al-Nur*, iaitu Hayrat Malaysia, Malaysia Turkiye Cultural Association (MTCA) dan Nursi Research and Training Centre (NRTC).

Jadual 1: Profil Ringkas 13 Informan Kajian

Label	Gelaran & Jawatan	Institusi/Pertubuhan	Bidang Kepakaran
Informan 1	Pengurus Madrasah	Madrasah Dar El Zahraa, Perak	<i>Rasail al-Nur</i> ; dakwah
Informan 2	Prof. Madya Dr. (Pengaruh Institut)	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Kajian Said Nursi
Informan 3	Pegawai Pertubuhan	Hayrat Malaysia, Selangor	<i>Rasail al-Nur</i> ; <i>tullab al-Nur</i>
Informan 4	Ketua Pegawai Eksekutif	Hayrat Malaysia, Selangor	Dakwah; pengurusan NGO
Informan 5	Dr. (Pensyarah Kanan)	ACIS, UiTM Cawangan Kedah	Dakwah; komunikasi Islam
Informan 6	Ahli Pertubuhan	Malaysia Turkiye Cultural Association (MTCA)	<i>Rasail al-Nur</i> ; <i>tullab al-Nur</i>

²⁷ John W. Creswell dan J. David Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 5th ed. (California: SAGE Publications, 2018), 13-14.

Informan 7	Dr. (Pensyarah Kanan)	HELP University, Kuala Lumpur	Pengajian Islam; Said Nursi
Informan 8	Pengerusi Pertubuhan	Malaysia Turkiye Cultural Association (MTCA)	Dakwah; <i>Rasail al-Nur</i>
Informan 9	Prof. Madya Dr. (Pensyarah Kanan)	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA	Pengajian Islam; komunikasi
Informan 10	Prof. Madya Dr. (Timbalan Dekan)	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM	Quran; komunikasi dakwah
Informan 11	Guru Agama	Akademi Sheikh Daud al-Fathani, Selangor	Dakwah; pendidikan Islam
Informan 12	Pengarah Pusat Penyelidikan	Nursi Research & Training Centre (NRTC), IIUM	Said Nursi; <i>Rasail al-Nur</i>
Informan 13	Dato' Ustaz (Penasihat Agama)	Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan	Dakwah; kepimpinan Islam

Data dianalisis menggunakan analisis tematik secara deduktif dan induktif dengan bantuan perisian *ATLAS.ti* versi 9 menghasilkan 162 kod yang dikelompokkan kepada 40 kategori dan 12 sub-tema. Artikel ini membincangkan dapatan dua sub-tema berkaitan Said Nursi, iaitu sub-tema *Reciprocation* Said Nursi (*Reciprocation* Said Nursi) dan sub-tema *Commitment and Consistency* Said Nursi (*Commitment and Consistency* Said Nursi). Nilai kebolehpercayaan kajian disahkan melalui analisis Cohen's Kappa yang mencapai nilai purata 0.93 dalam kalangan lima orang pakar, yang menurut Fleiss berada pada skala persetujuan yang sangat baik.²⁸ Kesahan data pula diperkukuh melalui triangulasi sumber (dokumentasi + temu bual) dan pengesahan oleh lapan orang pakar metodologi kajian kualitatif.²⁹

²⁸ Joseph L. Fleiss, *Statistical Methods for Rates and Proportions*, 2nd ed. (New York: Wiley, 1981), 218.

²⁹ Sharan B. Merriam, *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach* (San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 1988), 169-170.

Dapatan dan Perbincangan

Sebelum membincangkan dapatan secara terperinci, Jadual 2 menyajikan ringkasan hubungan antara prinsip Cialdini, konsep Islam padanannya, dan manifestasi konkrit dalam dakwah Said Nursi.

Jadual 2: Ringkasan Dapatan Integrasi Prinsip Cialdini dengan Konsep Islam dalam Dakwah Said Nursi

Prinsip Cialdini	Konsep Islam	Manifestasi dalam Dakwah Said Nursi	Kategori Dapatan
<i>Reciprocation</i> (Timbal Balik)	Ihsan, Hikmah, <i>Mau'izah Hasanah</i>	Pendekatan logik dan analogi; Personaliti responsif, lemah lembut & rendah diri; Strategi merentasi konteks (penjara, perang, mahkamah, dialog peradaban)	(i) Pendekatan unik; (ii) Personaliti; (iii) Strategi dakwah
<i>Commitment and Consistency</i> (Komitmen dan Ketekalan)	Istiqamah, Sabar, Ikhlas	Nilai ikhlas tanpa mengharap populariti; Konsisten berdakwah walaupun dipenjara dan diracun; Penulisan <i>bi al-kitabah</i> ; Visi Madrasah al-Zahra	(i) Nilai ikhlas; (ii) Konsistensi; (iii) Penulisan; (iv) Tanggungjawab sosial

Prinsip Timbal Balik (Reciprocation) dalam Komunikasi Dakwah Said Nursi: Manifestasi Ihsan dan Hikmah

Dapatan penilitia mengenal pasti tiga kategori utama yang menepati elemen timbal balik (reciprocation) dalam komunikasi dakwah Said Nursi. Perlu ditegaskan bahawa prinsip timbal balik Cialdini, apabila dianalisis dalam konteks dakwah Said Nursi, bukanlah semata-mata fenomena psikologi sosial, malah merupakan manifestasi konkrit daripada konsep ihsan dalam Islam.

Pendekatan Unik: Antara Logik Moden dan Hikmah Islam

Said Nursi menggunakan pendekatan penyampaian yang unik berasaskan logik dan pembuktian, berserta analogi dan perumpamaan yang kaya. Informan 6 menyatakan bahawa “Said Nursi menegakkan

hujah berdasarkan pembuktian-pembuktian.”³⁰ Informan 13 menjelaskan bahawa “Said Nursi menggunakan cara yang meyakinkan dengan cara yang rasional dan logik. Jadi dia meyakinkan dengan fikiran.”³¹ Dapatan ini mengukuhkan kajian Muhammad Yusry dan Zulkifli³² serta Nur Hadi et al.³³ dengan menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sekadar teknik retorik, malah mencerminkan prinsip hikmah dalam al-Nahl ayat 125. Dari sudut teori Cialdini, pendekatan berasaskan pembuktian dan analogi ini boleh difahami sebagai sebahagian daripada mekanisme *reciprocation*, iaitu kecenderungan individu memberikan respons positif terhadap usaha dan perhatian yang diterima. Dalam konteks Said Nursi, mekanisme ini dizahirkan melalui kesediaan beliau menjawab persoalan masyarakat secara rasional dan sistematik.

Informan 3 menyatakan bahawa Said Nursi menjelaskan “semua perasaan beliau melalui bukti dan perumpamaan-perumpamaan.”³⁴ Informan 9 menjelaskan bahawa Said Nursi “sering guna pendekatan analogi dan contoh, bagaimana nak dapatkan cinta Ilahi, maka dibuat analogi.”³⁵ Informan 10 menyifatkan pendekatan ini sebagai “muallim al-`ukul”, bermaksud pendidik akal. Dapatan ini selari dengan kajian Nurul Asiah et al.³⁶ Pendekatan menggantung notis di hotel Istanbul yang berbunyi “semua soalan akan dijawab dan tidak akan ditanya soalan kembali” adalah manifestasi prinsip timbal balik yang selari dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud: “Permudahkanlah dan jangan kamu menyukarkan, gembirakanlah dan jangan kamu

³⁰ Informan 6, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

³¹ Informan 13, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

³² Muhammad Yusry Abd Mutalib Idrus dan Zulkifli Fazil, “Ketokohan Sa’id Nursi dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah Kajian Teks dalam Rasail al-Nur” (Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, 29–30 Oktober 2020), 29–30.

³³ Nur Hadi Ihsan, Ridani Fauzi Putera dan Muhamad Fawwaz Ramadhan, “Transformasi Mahabbah Menjadi Cinta Abadi dalam Konsep Tasawuf Badiuzzaman Said Nursi,” *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam* 6.2 (2021), 178-192.

³⁴ Informan 3, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 22 Ogos 2024.

³⁵ Informan 9, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

³⁶ Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Nazree Mohd Yunus dan Celal Aydogdu, “Makna Diri Wanita Muslim Menerusi Pandangan Said Nursi,” *Abqari Journal* 26.1 (2022), 93-102.

menakutkan.”³⁷ Menurut informan 12, setakat yang direkodkan, tiada bukti menunjukkan Said Nursi gagal menjawab mana-mana soalan yang dikemukakan.³⁸ Kajian Farikhatul Lathifah³⁹ dan Irmayanti⁴⁰ mengesahkan bahawa pendekatan ini adalah ciri khas yang menjadikan dakwah Said Nursi diterima secara meluas.

Pendekatan menunjukan dakwah kepada diri sendiri terlebih dahulu juga merupakan elemen timbal balik yang unik. Ungkapan “wahai diriku, wahai nafsu aku” yang kerap muncul dalam tulisannya mencerminkan prinsip dakwah binnafsi dalam tradisi Islam. Kajian Abdul Gafur et al.⁴¹ mengesahkan bahawa pendekatan ini secara psikologinya menyahkan persepsi bahawa dakwah adalah alat paksaan.

Personaliti yang Menarik: Akhlak sebagai Strategi Komunikasi

Para informan bersetuju bahawa personaliti Said Nursi yang merangkumi sikap responsif,⁴² lemah lembut, rendah diri,⁴³ sabar,⁴⁴ dan tidak emosi⁴⁵ merupakan antara faktor terpenting yang mendorong masyarakat mendekati dakwahnya. Informan 3 menyatakan bahawa “Said Nursi berdakwah dengan cara yang sangat lemah lembut. Jadi itulah yang memberikan kesan yang terbaik.”⁴⁶ Dapatan ini

³⁷ Hadith Riwayat Imam al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-‘Ilm, Bab Ma Kana al-Nabiyu SAW Yatakhawwaluhum bi al-Maw‘izah wa al-‘Ilm Kay La Yanfiru, no. 69; HR Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Fi al-Amr bi al-Taysir wa Tark al-Tanfir, no. 1734. Hadis ini diriwayatkan daripada jalur sanad Said bin Abi ‘Arubah, daripada Qatadah, daripada Anas bin Malik RA (muttafaq ‘alaih).

³⁸ Informan 12, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 28 Ogos 2024.

³⁹ Farikhatul Lathifah, “Pemikiran Taqarrub Badiuzzaman Said Nursi (Studi Analisis Kitab Risalah An-Nur)” (tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2017).

⁴⁰ Irmayanti, *Bediuzzaman Said Nursi (Studi tentang Peranannya terhadap Perkembangan Islam Masa Pemerintahan Mustafa Kemal Attaturk)* (Sulawesi: Universitas Islam Negeri Alauddin Makkasar, 2017).

⁴¹ Abdul Gafur Marzuki, Fitriah Mas‘udah, Hamim Ilyas dan Ali Riyadi, “Self Actualization According to Bediuzzaman Said Nursi (1877–1960) in Risale-I Nur,” *Psychology and Education Journal* 58.2 (2021), 141-153.

⁴² Informan 2, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁴³ Informan 3, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 22 Ogos 2024.

⁴⁴ Informan 10, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁴⁵ Informan 12, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 28 Ogos 2024.

⁴⁶ Informan 3, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 22 Ogos 2024.

mengesahkan kajian Muhammad Rif'aat dan Salasiah⁴⁷ serta Nurul Atikah dan Zuraidah Juliana,⁴⁸ sambil menambah dimensi baharu. Personaliti Said Nursi bukan sekadar strategi komunikasi Cialdini, malah manifestasi akhlak Islam yang tulus. Ia merupakan kewajipan ilahi yang secara semula jadinya membuka hati *mad`u*.

Strategi Mempengaruhi: Fleksibiliti Metodologi sebagai Ihsan

Elemen timbal balik Said Nursi yang ketiga adalah pelbagai strategi yang dirancang untuk mempengaruhi pelbagai lapisan masyarakat, dari penjara,⁴⁹ medan perang,⁵⁰ mahkamah⁵¹ hingga dialog peradaban antara agama.⁵² Informan 6 menyatakan bahawa banduan-banduan yang tidak mengenal Allah SWT, setelah berinteraksi dengan Said Nursi, mula bertaubat dan bersolat. Informan 7 menceritakan transformasi seorang banduan pembunuh yang melalui pendekatan hikmah Said Nursi, akhirnya mempersoalkan dosa dari perbuatan paling kecil.

Dapatan ini menunjukkan bahawa fleksibiliti metodologi Said Nursi mencerminkan “al-hikmah fi ikhtiyar al-uslub” atau kebijaksanaan dalam pemilihan pendekatan. Dapatan ini menghuraikan lebih lanjut kajian Mohamad Zaidin et al.⁵³ dengan menunjukkan bahawa relevansi model dakwah Said Nursi berpunca daripada keupayaan beliau menyesuaikan pendekatan tanpa mengubah prinsip. Ini merupakan ciri khas seorang da'i yang benar-benar menghayati hikmah. Keupayaan Said Nursi menyesuaikan pendekatan dakwahnya mengikut konteks sama ada di penjara, medan perang atau mahkamah boleh difahami melalui prinsip *reciprocation* yang menekankan kesesuaian respons terhadap keperluan penerima. Namun demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa penyesuaian tersebut bukan sekadar bertujuan memperoleh respons positif, bahkan berkait rapat

⁴⁷ Muhammad Rif'aat Ramlie dan Salasiah Hanin Hamjah, “Dakwah dalam Dimensi Kerohanian Penjagaan Paliatif menurut Pendekatan Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi,” *Jurnal al-Hikmah* 7.1 (2015), 33-47.

⁴⁸ Nurul Atikah Sulaiman dan Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff, “Kesedaran Dakwah Islamiyyah dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Maran,” *Global Journal of Educational Research and Management* 1.3 (2021), 170-185.

⁴⁹ Informan 5, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁵⁰ Informan 8, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁵¹ Informan 1, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 21 Ogos 2024.

⁵² Informan 7, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁵³ Mohamad Zaidin Mat et al., “Building a Personality,” 440.

dengan penghayatan hikmah dalam memilih pendekatan yang sesuai bagi setiap keadaan.

Prinsip Komitmen dan Ketekalan (Commitment & Consistency) dalam Komunikasi Dakwah Said Nursi: Manifestasi Istiqamah dan Sabar

Dapatan penelitian mengenal pasti empat kategori utama yang menggambarkan prinsip komitmen dan ketekalan dalam dakwah Said Nursi. Dapatan menunjukkan bahawa prinsip *commitment and consistency* boleh difahami melalui lensa istiqamah dan sabar dalam tradisi Islam walaupun kedua-duanya berasaskan latar epistemologi yang berbeza.

Nilai Ikhlas: Asas Komitmen yang Melampaui Kepentingan Diri

Para informan bersetakat bahawa ikhlas merupakan asas paling fundamental bagi komitmen dakwah Said Nursi. Informan 6 menyatakan bahawa “Said Nursi buat dakwah pertama untuk ikhlas. Ikhlas maksudnya, hanya reda ilahi.”⁵⁴ Informan 1 menjelaskan bahawa “Said Nursi ada prinsip utama dalam dakwah adalah ikhlas. Ikhlas paling penting lah. Dia tak ambil duit, upah contohnya.”⁵⁵ Informan 9 menjelaskan bahawa Said Nursi tiada niat untuk mengejar populariti.⁵⁶ Informan 12 menyimpulkan bahawa ketika Said Nursi meninggal dunia, beliau berpesan agar kuburnya tidak dikenali orang.⁵⁷

Dapatan ini mendedahkan perbezaan epistemologikal kritikal. Bagi Cialdini, komitmen berfungsi kerana manusia ingin kelihatan konsisten di mata orang lain. Manakala menurut Said Nursi pula, komitmen berfungsi kerana tanggungjawab secara langsung kepada Allah SWT. Ini menjelaskan mengapa komitmen Said Nursi lebih stabil dan tidak mudah digoyahkan oleh tekanan sosial. Dapatan ini mengukuhkan kajian Muhammad Yusry dan Zulkifli⁵⁸ dengan menunjukkan bahawa ikhlas merupakan asas metodologikal, bukan sekadar nilai peribadi. Prinsip *commitment and consistency* membantu

⁵⁴ Informan 6, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁵⁵ Informan 1, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 21 Ogos 2024.

⁵⁶ Informan 9, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁵⁷ Informan 12, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 28 Ogos 2024.

⁵⁸ Muhammad Yusry dan Zulkifli, “Ketokohan Sa`id Nursi,” 29.

menjelaskan kecenderungan individu mengekalkan tindakan yang selaras dengan komitmen yang telah dipilih. Dalam kes Said Nursi, komitmen dakwah yang berterusan walaupun berhadapan tekanan dan kesukaran menunjukkan bentuk ketekalan yang selari dengan prinsip tersebut. Namun begitu, dapatan turut menunjukkan bahawa faktor keagamaan seperti ikhlas dan tanggungjawab kepada Allah SWT memainkan peranan penting dalam mengekalkan komitmen tersebut.

Konsisten Berdakwah: Istiqamah yang Merentasi Batas Kemanusiaan

Kesungguhan Said Nursi berdakwah dalam sebarang keadaan termasuk dipenjara selama hampir 25 tahun⁵⁹ dalam buangan, keadaan sakit, bahkan diracun, menggambarkan istiqamah pada tahap yang melampaui kemampuan manusia biasa. Dalam kerangka Islam, istiqamah Said Nursi adalah manifestasi sabar sebagaimana yang disebut Allah SWT dalam surah Hud ayat 112 dan al-Anfal ayat 46 bermaksud: “Dan bersabarlah kamu. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.” Dapatan ini mengesahkan kajian Norullisza et al.⁶⁰ bahawa istiqamah Said Nursi adalah antara faktor utama membina kepercayaan masyarakat. Kesungguhan Said Nursi berdakwah dalam sebarang keadaan, termasuk dipenjara selama hampir 25 tahun, boleh dianalisis melalui kerangka *commitment and consistency* sebagai manifestasi komitmen yang telah berakar kuat. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan bahawa penjelasan ini tidak dapat menerangkan sepenuhnya ketahanan komitmen tersebut dalam keadaan yang melampau, memandangkan teori Cialdini pada asalnya dibangunkan berdasarkan konteks interaksi sosial harian yang tidak melibatkan tekanan sebegini rupa.

Sentiasa Menulis: Penulisan sebagai Dakwah *bi al-Kitabah*

Keazaman Said Nursi untuk sentiasa menulis, sama ada dalam penjara, di medan perang, ketika sakit mahupun secara rahsia, merupakan manifestasi paling konkrit bagi prinsip komitmen dan ketekalan. Informan 1 menjelaskan bahawa kitab *Isyaratul Ijaz*, tafsir al-Fatihah dan permulaan al-Baqarah, ditulis ketika Perang Dunia Pertama di

⁵⁹ Informan 2, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁶⁰ Norullisza et al., “Usaha dan Strategi Dakwah,” 15.

barisan hadapan, di atas kuda dan di dalam parit.⁶¹ Informan 12 mengukuhkan: “di waktu perang, di barisan hadapan perang, pada waktu malam, dia menulis buku. Buku itu adalah Isyaratul I’jaz dan hari ini ia diajar di Jamiatul Azhar.”⁶²

Dapatan ini memperincikan kajian Wan Rashidah Hanim⁶³ dan Noor Aklima et al.⁶⁴ dengan menunjukkan bahawa komitmen menulis Said Nursi adalah strategi dakwah yang dirancang secara aktif, bukan sekadar respon reaktif kepada keterbatasan fizikal. Thameem Ushama mengesahkan bahawa metodologi *bi al-kitabah* ini merupakan antara sumbangan paling unik Said Nursi dalam sejarah dakwah Islam.⁶⁵

Tanggungjawab Sosial: Visi Pendidikan Bersepadu sebagai Fardu Kifayah

Dimensi keempat komitmen Said Nursi ialah visi reformasi pendidikan menerusi cadangan penubuhan Madrasah al-Zahra yang menggabungkan ilmu agama dan sains. Informan 13 menyimpulkan bahawa komitmen Said Nursi kepada visi ini begitu mendalam sehingga beliau berharap untuk mempersembakkannya kepada Khalifah Uthmaniyah.⁶⁶ Menurut Tanis, pemikiran Said Nursi merangkumi dimensi pendidikan bersepadu sebagai strategi menghadapi cabaran sekularisme.⁶⁷ Dapatan ini menyokong kajian Ichwansyah⁶⁸ dengan menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial ini adalah tentang fardu

⁶¹ Informan 1, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 21 Ogos 2024.

⁶² Informan 12, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 28 Ogos 2024.

⁶³ Wan Rashidah Hanim Wan Ibrahim, “Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi dalam Metode Da’wah bi al-Kitabah: Analisis Kitab Risalah al-Nur” (Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Dewan Auditorium Perpustakaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, 6–7 September 2015), 634-646.

⁶⁴ Noor Aklima Mohamad Saufi, Nurul Syazreen Mohd Nasir, Ain Syahirah Ismail Dzlan dan Syed Najihuddin Syed Hassan, “Ketokohan dan Keperibadian Badiuzzaman Said Nursi dalam Memperjuangkan Islam” (E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 28 Januari 2023), 432–443.

⁶⁵ Thameem Ushama, “Bediuzzaman Said Nursi’s Methodology,” 12 dan 8-10.

⁶⁶ Informan 4, temu bual melalui Google Meet dengan pengkaji, 17 Ogos 2024.

⁶⁷ Hisnul Haqi Tanis, “The Sufi Influence In Said Nursi’s Life and Thought” (disertasi doktor falsafah, Temple University, 2016), 92–93.


⁶⁸ Ichwansyah Tampubolon, “Pemikiran dan Aktivisme Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960),” *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat* 5.1 (2018), 93-115.

kifayah, iaitu tanggungjawab kolektif umat Islam untuk membangunkan institusi yang menjawab cabaran intelektual zaman.

Sintesis: Model Integratif Cialdini, Islam dan Said Nursi

Berdasarkan keseluruhan dapatan, artikel ini mengemukakan satu model integratif empat lapisan sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Model Integratif Komunikasi Dakwah Persuasif Said Nursi



Rajah 1 menggambarkan model integratif empat lapisan yang menghubungkan kerangka komunikasi persuasif Cialdini dengan epistemologi Islam dalam konteks dakwah Badiuzzaman Said Nursi. Pada lapisan pertama, kedua-dua kerangka diletakkan secara selari, bukan hierarki bagi menunjukkan bahawa setiap kerangka membawa domain penjelasan yang berbeza namun saling melengkapi. Kerangka Cialdini menyediakan mekanisme psikologi komunikasi persuasif, manakala epistemologi Islam menyediakan asas nilai dan motivasi yang mendasari tindakan dakwah.

Lapisan kedua merupakan teras model ini, yaitu titik pertemuan antara dua kerangka. Prinsip *reciprocation* Cialdini boleh dilihat mempunyai titik persamaan dengan konsep ihsan dan hikmah dalam Islam yang menekankan kebaikan yang tulus dan kebijaksanaan dalam memilih pendekatan. Walaupun kedua-duanya muncul daripada latar epistemologi yang berbeza, kedua-dua kerangka mengiktiraf kepentingan hubungan manusia dan ketekalan tindakan dalam mempengaruhi penerimaan sesuatu mesej. Begitu juga, prinsip *commitment and consistency* boleh dilihat mempunyai titik persamaan dengan konsep istiqamah dan sabar yang menekankan keteguhan dan kesabaran yang aktif dalam berdakwah.

Lapisan ketiga menunjukkan bagaimana kedua-dua kerangka ini dizahirkan dalam dakwah Said Nursi, merangkumi pendekatan penyampaian yang unik, akhlak dan personaliti, strategi dakwah yang adaptif, serta penulisan dan visi pendidikan. Kerangka Cialdini berfungsi sebagai alat analitik yang membantu menjelaskan mekanisme komunikasi persuasif yang dapat diperhatikan dalam dakwah beliau, manakala konsep Islam pula memperkukuh penjelasan terhadap dimensi nilai dan motivasi yang mendasarinya. Oleh itu, model yang dibangunkan dalam artikel ini membantu menjelaskan keberkesanan komunikasi dakwah Said Nursi melalui gabungan perspektif komunikasi persuasif dan epistemologi Islam. Model ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua perspektif tersebut boleh digunakan secara saling melengkapi dalam analisis komunikasi dakwah.

Kesimpulan

Artikel ini menunjukkan dua hujah utama. Pertama, prinsip timbal balik dan komitmen serta ketekalan dalam komunikasi dakwah Said Nursi bukan sekadar manifestasi prinsip psikologi sosial Cialdini, bahkan merupakan manifestasi konkrit daripada teras ilmu dakwah Islam seperti ihsan, hikmah, *mau'izah hasanah*, istiqamah dan sabar. Kedua, integrasi kerangka persuasif Barat dengan epistemologi Islam bukan sahaja sah secara metodologi, bahkan menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang model komunikasi dakwah yang berkesan berbanding pendekatan mana-mana satu kerangka secara berasingan.

Model bersepadu empat lapisan yang dikemukakan dalam kajian ini (Rajah 1) menyumbang kepada literatur komunikasi dakwah dengan mendedahkan perbezaan epistemologikal yang signifikan antara

konsep Cialdini dengan padanannya dalam Islam. *Commitment and consistency* dalam konteks dapatan penelitian ini lebih menekankan dimensi mekanisme sosial, manakala istiqamah memberikan penekanan kepada dimensi nilai dan motivasi keagamaan. Begitu juga, personaliti menarik dalam kerangka Cialdini dilihat sebagai strategi, sedangkan akhlak mulia dalam Islam merupakan kewajipan yang secara semula jadi. Perbezaan asas ini menjelaskan ketahanan model dakwah Said Nursi yang kekal relevan lebih setengah abad selepas kewafatan beliau.

Dari sudut sumbangan praktikal, model ini menawarkan panduan asas kepada para pendakwah kontemporari, bahawa keberkesanan dakwah bukan pada penguasaan teknik semata-mata, malah pada kedalaman motivasi dan keikhlasan yang mendasari setiap tindakan dakwah. Penelitian lanjutan disarankan untuk menilai prinsip ini dalam konteks dakwah digital, serta untuk membandingkan model dakwah Said Nursi dengan model dakwah ulama klasik yang lain.

Rujukan

- Abdullah, Kamaruzzaman. "Epistemologi Kajian Dakwah dan Ilmu Komunikasi." *Liwaul Dakwah: Jurnal Kajian Dakwah dan Masyarakat Islam* 12.1 (2022): 72-90.
- Aini, Zulkefli dan Abdul Ghafar Don. "The Implementation of Communication Skills in Da'wah." *Hamdard Islamicus* XLV 1 (2022): 81-102.
- Aini, Zulkefli, S. Salahudin Suyurno dan Rosmawati Mohamad Rasit. *Komunikasi Dakwah*. 1st ed. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.
- Bakti, Andi Faisal. "Good Deeds as Positive Action in Nursi's Work: Human Communication Perspective." 12th International Bediuzzaman Symposium, 3–5 Oktober 2021, Istanbul, 391-408.
- Buang, Ahmad Hidayat dan Qoys Abqori Jilan Ahmad. *Mengarusutamakan Moderasi di Tengah Pluralitas Bangsa Studi Pemikiran Said Nursi*. Jawa Timur: Akademia Pustaka, 2023.
- Cialdini, Robert B. *Influence: The Psychology of Persuasion*. New York: HarperCollins, 2009.

- Creswell, John W. dan J. David Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 5th ed. California: SAGE Publications, 2018.
- El-Youssef, Muhammed Ali. "Methods of Advocacy and Communication in the Rasail al-Nur." *Journal of Rasail al-Nur Studies* 5.1 (2022): 1-10.
- Ema, Wigianti. "Kegagalan dalam Berdakwah (Kajian Teoritis dalam Buku Penyebab Gagalnya Dakwah Karya Dr. Sayyid M. Nuh)." *An-Nida: Jurnal Komunikasi Islam* 11.1 (2019): 13-22.
- Fauzy, Muhammad Krisno, Tanel Jakub, Zahra Rizky Naufal, Maulani Ahmad dan Wahta Subagya Rahardja. *Tugas Komunikasi Persuasif, Konsep-konsep Psychology of Persuasion*. Yogyakarta: Universitas Mercu Buana, 2018.
- Fleiss, Joseph L. *Statistical Methods for Rates and Proportions*. 2nd ed. New York: Wiley, 1981.
- Furqan, Abdullah dan Sahrul. "Communication Styles and Organizational Da'wah Practices of the Jama'ah Tabligh in Mitigating Hate Speech." *Islamic Communication Journal* 10.2 (2025): 373-396.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Tayyibah, 1999.
- Ibrahim, Ibtisam dan Berhanundin Abdullah. "Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah kepada Masyarakat Awam." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.3 (2019): 496-506.
- Ibrahim, Wan Rashidah Hanim Wan. "Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi dalam Metode Da'wah bi al-Kitabah: Analisis Kitab Risalah al-Nur." Proceedings of ICIC2015 - International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Dewan Auditorium Perpustakaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, 6-7 September 2015.
- Idrus, Muhammad Yusry Abd Mutalib dan Zulkifli Fazil. "Ketokohan Sa'id Nursi dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah Kajian Teks dalam Rasail al-Nur." Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, 29-30 Oktober 2020: 29-30.

- Ihsan, Nur Hadi, Ridani Fauzi Putera dan Muhamad Fawwaz Ramadhan. "Transformasi Mahabbah Menjadi Cinta Abadi dalam Konsep Tasawuf Badiuzzaman Said Nursi." *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam* 6.2 (2021): 178-192.
- Irmayanti. *Bediuzzaman Said Nursi (Studi tentang Peranannya terhadap Perkembangan Islam Masa Pemerintahan Mustafa Kemal Attaturk)*. Sulawesi: Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, 2017.
- Jalal, Burhanuddin, Amnah Saayah Abu dan Sayuti Abd. Ghani. "Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan." *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4.1 (2018): 23-33.
- Kamaruddin, Abubakar. "Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33.3 (2017): 89-106.
- Khairuddin, Norullisza, Shereeza Mohamed Saniff dan Azrin Ibrahim. "Usaha dan Strategi Dakwah Badi'al-zaman Sa'id al-Nursiy dalam Pembangunan Insan." *Jurnal YADIM* 2.2 (2022): 10-23.
- Lathifah, Farikhatul. "Pemikiran Taqarrub Badiuzzaman Said Nursi (Studi Analisis Kitab Risalah An-Nur)." Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2017.
- Marzuki, Abdul Gafur, Fitriah Mas'udah, Hamim Ilyas dan Ali Riyadi. "Self Actualization According to Bediuzaman Said Nursi (1877–1960) in Risale-I Nur." *Psychology and Education Journal* 58.2 (2021): 141-53.
- Mat, Mohamad Zaidin, Kamarul Shukri Mat Teh, Sofyuddin Yusof, Ahmad Fauzi Hassan, Ahmad Zahid Said dan Ahmad Bukhori Muslim. "Building a Personality by Installing Noble Values: Implementing Nursi's Thoughts in a Malaysia Context." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8.11 (2018): 437-44.
- Meerangani, Khairul Azhar. "Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non-Muslim di Malaysia." *Jurnal Maw'izah* 2.1 (2019): 14-22.
- Merriam, Sharan B. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 1988.

- Mirawati, Dzuriyatun. "Pemanfaatan Teori Komunikasi Persuasif pada Penelitian E-Commerce Di Era Digital." *Medium: Jurnal Ilmiah Fakultas Ilmu Komunikasi Universitas Islam Riau* 9.1 (2021): 58-80.
- Mokhtar, Saifulazry, Azmin Pardi, Mohd Nur Hidayat Hassan dan Sharifah Darmia Sharif Adam. "Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad al-Ghazali Satu Analisis." *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 7.47 (2022): 324-37.
- Muhamad, Nurul Asiah Fasehah, Mohd Nazree Mohd Yunus dan Celal Aydogdu. "Makna Diri Wanita Muslim Menerusi Pandangan Said Nursi." *'Abqari Journal* 26.1 (2022): 93-102.
- Ramlie, Muhammad Rif'aat dan Salasiah Hanin Hamjah. "Dakwah dalam Dimensi Kerohanian Penjagaan Paliatif menurut Pendekatan Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi." *Jurnal al-Hikmah* 7.1 (2015): 33-47.
- Noor, Muaz Mohd, S. Salahudin Suyurno dan Faridah Mohd Sairi. "Elemen Kinesik, Kronemik, Paralinguistik dan Artifaktual dalam Dakwah: Kajian Komunikasi Bukan Lisan Badiuzzaman Said Nursi." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 41.3 (2025): 234-50.
- Noor, Muaz Mohd, S. Salahudin Suyurno dan Khairul Azhar Meerangani. "The Silent Language of Dakwah: Exploring Non-Verbal Elements in Badiuzzaman Said Nursi's Preaching." *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 8.10 (2024): 1323-34.
- Noor, Muaz Mohd, S. Salahudin Suyurno, Khairul Azhar Meerangani dan Sadiq Ozata. "Said Nursi's Da'wah Communication Strategy and its Relevance in the Malaysian Context." *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9.2 (2025): 89-97.
- Nuriana, Zulfa Ilma dan Nisrina Salwa. "Digital Da'wah in the Age of Algorithm: A Narrative Review of Communication, Moderation, and Inclusion." *Sinergi International Journal of Islamic Studies* 2.4 (2024): 242-256.
- Samri, Dzuriyah. "Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias." *Jurnal Bahasa* 22.1 (2022): 49-76.

- Saafi, Noor Aklima Mohd, Nurul Syazreen Mohd Nasir, Ain Syahirah Ibrahim Daud dan Syed Najihuddin Syed Hassan. “Ketokohan dan Keperibadian Badiuzzaman Said Nursi dalam Memperjuangkan Islam.” E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 28 Januari 2023: 432-443.
- Sulaiman, Nurul Atikah dan Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. “Kesedaran Dakwah Islamiyyah dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Daerah Maran.” *Global Journal of Educational Research and Management* 1.3 (2021): 170-185.
- Tampubolon, Ichwansyah. “Pemikiran dan Aktivisme Dakwah Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960).” *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat* 5.1 (2018): 93-115.
- Tanis, Hisnul Haqi. “The Sufi Influence In Said Nursi’s Life And Thought.” Disertasi doktor falsafah, Temple University, 2016.
- Ushama, Thameem. “Badiuzzaman Said Nursi’s Methodology for Da’wah: An Overview of Certain Principles.” *Jurnal Usuluddin* 47.2 (2019): 1-24.
- Vahide, Şükran. *Badiuzzaman Said Nursi Author of the Rasail an-Nur*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2011.
- Yasin, Raudlotul Firdaus Fatah, Dhiya’ul Hafidh Fatah Yasin dan Muthi’ul Haqq Fatah Yasin. “Kajian Analisis dari Risalah Nur oleh Imam Badiuzzaman Said Nursi untuk Pembentukan Minda yang Sejahtera.” *Jamalullail Journal* 2.1 (2023): 42-63.